

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
PERUSAHAAN OTOMOBIL SDN BHD  
(CBU AUDIT SECTION)  
SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN

NOOR AZLIN BINTI MD RAZALI

JABATAN EKOLOGI SOSIAL  
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU  
(UMT)

2007

1100063813



LI 18 FPE 2 2007



1100063813

Laporan akhir latihan industri di Perusahaan Otomobil Sdn. Bhd. (CBU Audit Section) Shah Alam, Selangor / Noor Azlin Md Razali.

**PERPUSTAKAAN SULTANAH NUR ZAHIRAH  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)  
21030 KUALA TERENGGANU**

100063813

Lihat sebelah



**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
PERUSAHAAN OTOMOBIL SDN BHD  
(CBU AUDIT SECTION)  
SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN**

**Oleh**

**NOOR AZLIN BINTI MD RAZALI  
SARJANA MUDA PENGURUSAN  
(PEMASARAN)**

**JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN  
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

**UMT**

**2007**

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Latihan Industri adalah salah satu cara terbaik untuk memperkenalkan dan memberikan pengetahuan serta peluang yang sangat berguna kepada para pelatih tentang sesuatu yang akan menjadi realiti dan akan mereka tempuh iaitu alam pekerjaan. Tindakan pihak Universiti Malaysia Terengganu (UMT) yang mana menjadikan latihan industri sebagai salah satu mata pelajaran yang wajib diambil adalah tindakan yang sangat tepat dan berguna. Latihan Industri juga mampu memberikan pengalaman dan manfaat yang sangat berguna sebelum menempuh alam pekerjaan. Walaupun ia hanya mengambil masa lebih kurang tiga bulan, namun pelbagai maklumat dapat diperolehi melalui latihan dan pekerjaan yang telah didedahkan. Selama tiga bulan, pelatih mempunyai banyak pengetahuan dan pengalaman yang diperolehi di Perusahaan Otomobil Nasional Sdn. Bhd. (PROTON). Di PROTON, terdapat banyak pengetahuan dan maklumat yang telah didedahkan kepada pelatih sepanjang perjalanan latihan industri. Bagi setiap pelatih, peluang untuk menjalankan Latihan Industri di sebuah organisasi sama ada agensi awam atau swasta adalah merupakan sesuatu yang amat berharga. Pelatih berpeluang untuk belajar melalui pemerhatian dan penglibatan secara langsung dengan aktiviti dan tugas yang akan diberikan. Peluang yang diberikan kepada pelatih dalam menjalankan Latihan Industri di PROTON digunakan sepenuhnya untuk mengetahui dan memahami operasi organisasi khususnya dalam bidang pengurusan dan perkhidmatan. Pelatih dapat mengaplikasikan matapelajaran yang telah dipelajari dan menyesuaikannya kepada situasi pekerjaan yang sebenar. Banyak input-input berguna yang dapat dipelajari melalui perbincangan dengan pihak pengurusan dan kakitangan dari pelbagai unit dan sektor serta penglibatan sebenar pelatih dengan tugas dan aktiviti dalam organisasi.

PROTON adalah peneraju pasaran otomotif di Malaysia dengan penguasaan terbesar bahagian pasaran tempatan dan dengan mengembangkan rangkaian pengedaran di seluruh dunia. Perniagaan Kumpulan telah berkembang merangkumi rundingan kejuruteraan, perkilangan, pengedaran, perkhidmatan kewangan dan pelaburan harta tanah. Dengan perolehan melebihi RM8 bilion dalam tahun kewangan 2004/2005, PROTON telah menjadi salah sebuah syarikat terbesar yang tersenarai di Bursa Malaysia Berhad. Kumpulan merekacipta dan mengeluarkan kereta-kereta yang memenuhi kehendak pelbagai jenis pelanggan. Potfolio kami termasuklah kereta 'sport' yang dikenali di seluruh dunia, Lotus Elise dan Lotus Esprit, Satria GTi yang 'sporty', Waja untuk keperluan keluarga, Gen.2 yang bergaya, Jumbuck yang mudah-suai dan yang terbaru, Savvy. Kereta-kereta ini dikilangkan di Malaysia dan United Kingdom.

Kumpulan juga menjalankan penyelidikan di United Kingdom dan Malaysia untuk mengenalpasti teknologi baru. Matlamat utama inovasi adalah untuk digunakan dalam pengeluaran melalui perkongsian bersama dengan Pembekal Tahap Satu atau pelanggan-pelanggan OEM. Sebahagian daripada paten ini

telah dilesenkan kepada pengilang-pengilang kereta utama dunia. Ketika ini, jumlah kakitangan dalam Kumpulan mencecah hampir 11,000 orang yang terlibat dalam pelbagai aktiviti perniagaan daripada penyelidikan, penciptaan, pembangunan, ujian, pembentukan besi, acuan, memesin dan memasang sehinggalah kepada pemasaran, pengedaran dan perkhidmatan lepas jualan.

Pada masa tiga bulan melakukan latihan industri, pelatih telah ditempatkan di Seksyen CBU Audit, di bawah Jabatan Pengesahan Kualiti. Selama menjalankan latihan industri di Seksyen CBU Audit, pelatih dapat mengenalpasti beberapa masalah yang terdapat dalam operasi syarikat tersebut. Masalah ini dapat dikenalpasti atas pemerhatian yang terperinci dalam jangkamasa yang lama. Antara masalah-masalah yang dapat dikenalpasti dalam sistem aliran kerja di Kumpulan ‘Customer Acceptance Audit’ iaitu tidak dapat menyempurnakan sesi audit dalam tempoh yang ditetapkan. Masalah kedua yang dapat dikenalpasti adalah kualiti pemeriksaan berkurangan semasa ujian emission dijalankan. Masalah ketiga adalah masalah berkenaan dengan komunikasi yang kurang berkesan antara pihak PROTON edar dengan pihak PROTON dalam proses perkhidmatan selepas jualan. Dalam sistem tersebut, terdapat juga beberapa masalah yang timbul. Menyedari permasalahan tersebut, pelatih sedia memberikan pandangan dan cadangan agar pihak organisasi mengaplikasikannya yang mana cadangan dan penyelesaian tersebut adalah datangnya dari idea pelatih sendiri dan semoga cadangan yang diberikan dapat memajukan lagi organisasi tersebut. Latihan Industri amat diperlukan bagi meningkatkan kemahiran dan pengalaman bagi menjadikan seseorang mahasiswa lebih berdaya saing dan kompetitif disamping dapat memberikan pandangan berguna kepada sesebuah syarikat.

Oleh yang demikian, usaha yang gigih dan berterusan mampu menjadikan sesebuah organisasi atau firma setaraf dengan organisasi-organisasi lain yang lebih terkemuka dan seiring dengan perkembangan teknologi.